



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JR/51/2022**

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN PELAWAAN SEBUT HARGA TERBUKA UNTUK PEMBEKALAN DUA (2) BOT  
PENYELAMAT MUDAH ALIH DAN KELENGKAPAN PERALATAN BERKAITAN SERTA 2  
UNIT ENJIN BOT BAGI KEGUNAAN PERBADANAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF) di bawah Kod Bidang 110601 (Bot) atau 110603 (Alatganti dan Kelengkapan Bot) atau 110701 (Peralatan Marin) untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat sebut harga akan diadakan pada **20 OKTOBER 2022**, jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Angsana (A5). Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan adalah **DIWAJIBKAN** (sila bawa bersama Sijil Akuan Pendaftaran, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan dan Cap Syarikat).
3. Dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **20 OKTOBER 2022** hingga **25 OKTOBER 2022** dengan bayaran secara tunai sebanyak RM50.00 di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3 Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera, Kementerian Kewangan. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah diwajibkan untuk membawa Surat Wakil Kuasa (Asal) yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam 12.00 tengah hari pada **28 OKTOBER 2022 (JUMAAT)**.
6. Kontraktor/Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my).
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**( SHAMSUL BAHRIN BIN RAHMAT )**

Naib Presiden  
Jabatan Perancangan Bandar  
Perbadanan Putrajaya.